

Gerakan militan Singapura, ada hubungan dengan KMM

BH 13 JAN 2002

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau percaya rangkaian gerakan militan di Singapura mempunyai kaitan dengan kumpulan militan yang disyaki bergerak di Malaysia.

Perdana Menteri, berkata Kerajaan mendapati kumpulan militan di Malaysia juga mempunyai kaitan dengan kumpulan yang sama di Indonesia dan Filipina.

"Ta ada kaitan dengan Indonesia, Malaysia dan Filipina. Saya yakin Singapura juga...tetapi saya tidak ada fakta, jadi saya tidak boleh komen (lanjut)," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Perbendaharaan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada sekumpulan 15 orang yang ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura kerana disyaki pengganas, mempunyai hubungan dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Kewangan enggan mengulas laporan mengenai dakwaan kumpulan terbabit cuba mendapatkan 21 tan bahan letupan untuk membuat bom trak dan melakukan intipan ke atas kepentingan dan Kedutaan Amerika serta pejabat Kementerian Pertahanan Singapura.

"Saya tidak mempunyai fakta (mengenai perkara itu), jadi saya tidak boleh komen," katanya.

Kerajaan Singapura dalam memberi butiran lanjut menge-

nai tangkapan anggota gerakan militan berkenaan kelmarin, mendedahkan empat tan b&an itu disimpan di negara ini oleh rakyat Malaysia, Faiz Abu Bakar Bafana, 36.

Faiz, seorang ahli pemiagaan dan bekas rakyat republik itu ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura bersama 14 lagi baru-baru ini kerana disyaki anggota kumpulan pengganas.

Kumpulan yang ditahan di republik itu dikatakan mempunyai kaitan dengan kumpulan rahsia Jemaah Islamiah dan mereka diminta supaya mendapatkan sejumlah 17 tan ammonium nitrat bagi membuat bom trak.

Bagaimanapun, rancangan kumpulan itu gagal apabila seorang anggotanya Mohd Elias Mohamed Khan ditangkap ketika cuba membelinya.

Perdana Menteri dalam satu wawancara khas yang disiarkan oleh majalah Jepun *Chuokoron* yang diterbitkan dua hari lalu, dilaporkan berkata kerajaan mendapat maklumat 50 rakyat negara ini mempunyai pertalian dengan KMM yang dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas al-Qaeda yang dipimpin oleh Osama bin Laden.

Majlis bagi meraikan warga Perbendaharaan sempena sambutan Aidilfitri turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Salleh dan Setiausaha Parlimen Kementerian, Datuk Hashim Ismail.